

## HADIS DALAM KHUTBAH JUMAAT: KEPENTINGAN DAN KESANNYA MENURUT PERSPEKTIF HADIS

NurulHuda Izyana (Penulis utama)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60128783991, E-Mel:[nurhuda5296@raudah.usim.edu.my](mailto:nurhuda5296@raudah.usim.edu.my)

Syed Najihuddin Syed Hasan, USIM  
Nur Saadah Hamisan@Khair, USIM

### ABSTRAK

Hadis ialah bidang ilmu yang wajib dipelajari kerana kepentingannya dalam syariat Islam. Sebagai sumber utama perundangan Islam, hadis menjelaskan, menghuraikan serta menguatkan pengajaran yang disampaikan dalam Al-Quran. Dalam penyampaian khutbah Jumaat, hadis turut dinyatakan sebagai salah satu sandaran dalil yang menguatkan hujah kepada isi kandungan khutbah tersebut. Walau bagaimanapun, masyarakat Islam pada masa kini masih belum memahami sepenuhnya tentang kepentingan hadis dalam khutbah Jumaat sehingga boleh memberi kesan kepada perubahan akhlak serta tingkah laku mereka. Justeru, kajian ini dijalankan bagi (1) mengenalpasti kepentingan hadis dalam khutbah Jumaat, (2) mengenalpasti kesan hadis dalam khutbah Jumaat terhadap pembentukan sahsiah masyarakat Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu menggunakan pendekatan analisis induktif tematik dengan melakukan pemilihan hadis secara rawak dari tajuk teks khutbah Jumaat di Malaysia. Hasil kajian menemukan beberapa usaha penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Islam tentang kepentingan hadis yang disampaikan melalui khutbah Jumaat yang juga menjadi salah satu metode penting dalam dakwah Islamiyyah. Hadis-hadis yang disampaikan melalui khutbah Jumaat mampu mengubah akhlak dan tingkah laku masyarakat dari sudut akidah, ibadah, sirah, akhlak dan kehidupan sosial mereka di samping membantu menyelesaikan isu serta permasalahan yang dihadapi.

**Kata kunci:** Hadis, Khutbah Jumaat, Kepentingan, Kesan, Masyarakat Islam

### Pendahuluan

Khutbah Jumaat ialah pengucapan berunsurkan dakwah yang disampaikan kepada umat Islam sebelum menunaikan solat Jumaat (Moohamad & Syafie, 2018). Khutbah merujuk kepada mesej yang disampaikan atau disebarluaskan, atau kedua-duanya, dengan niat untuk mempengaruhi serta membimbangi pendengar ke arah kebaikan dan menjauhi segala larangan Allah SWT. (Saifulah et al., 2017). Akidah, ibadah, sirah, akhlak dan isu semasa adalah antara topik atau tema yang kebiasaannya dijadikan hujah bagi membimbangi dan memberi panduan kepada masyarakat untuk menerapkannya dalam kehidupan seharian (Mohd Al Adib & Norfadilah, 2019).

Bagi mengukuhkan lagi perbahasan khutbah yang disampaikan, hadis menjadi salah satu rujukan (Rohaily, 2012) penting yang perlu ada supaya khutbah yang disampaikan dapat difahami dengan jelas dan tepat. Justeru, hadis bukan sahaja boleh didengari dan dipelajari melalui kelas-kelas pengajian hadis, tetapi juga melalui pengucapan teks khutbah Jumaat. Pengamalan hadis yang betul dari aspek status dan kedudukannya adalah penting kerana ia

memberi kesan terhadap kehidupan masyarakat daripada pelbagai sudut. Hal ini kerana, pengamalan hadis yang salah seperti hadis maudu' telah membawa keburukan kepada masyarakat khususnya dalam aspek akhlak, akidah, ibadah, pemikiran dan kehidupan sosial serta mencemari syariat Islam yang murni (Siti & Farah Darwisyah, 2019).

### Kepentingan Hadis Dalam Khutbah Jumaat

Dalam penyampaian khutbah Jumaat, Al-Quran dan hadis menjadi antara dalil yang sering disebutkan oleh para khatib semasa khutbah. Ini kerana, kedua-dua dalil tersebut menjadi penyokong kepada hujah yang disampaikan kepada umat Islam. Umat Islam percaya dan yakin bahawa Al-Quran dan hadis adalah sumber rujukan utama dalam Islam, namun tidak ramai yang menyedari akan kepentingan hadis yang disampaikan melalui khutbah Jumaat.

### Definisi Hadis

"Hadis" (حديث) berasal daripada perkataan "hadatha" (حدث) yang membawa maksud baru dari sudut bahasanya. Secara etimologinya, hadis mempunyai pelbagai maksud seperti khabar, perbuatan, perkataan atau ucapan (Ibn Manzur, 1993) dan berita daripada Nabi Muhammad SAW. Dari sudut istilah, hadis membawa makna segala yang disandarkan kepada Rasulullah SAW, dari segi perkataan atau pengucapan, perbuatan (tingkah laku), pengakuan atau sifat baginda SAW (Al-Juday, 2003).

Hadis juga menjadi antara elemen terpenting bagi mengukuhkan lagi institusi dan tamadun Islam. Ia menggabungkan ucapan, perlakuan, sifat serta akhlak dan kebaikan baginda SAW yang menjadi asas untuk menjelaskan dan melindungi isi kandungan Al-Quran secara keseluruhan serta komponen lain yang terdapat dalam hal ehwal Islam (Usman & Wazir, 2018). Keperluan hadis sebagai rujukan Islam telah diberi penekanan oleh para fuqaha khususnya dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW semasa menjelaskan maksud ayat-ayat yang terkandung dalam Al-Quran (Abur Hamdi & Mohd Norzi, 2022).

### Dalil yang Menguatkan Hujah

Selain Al-Quran, hadis juga berupaya menjadi sandaran dalil yang menguatkan isi kandungan atau hujah dalam khutbah Jumaat. Ini kerana hadis menjadi panduan dalam memahami hukum syarak kerana ia adalah sumber hukum Islam yang kedua selepas Al-Quran al-Karim. Perintah Allah SWT sepertimana yang terkandung di dalam Al-Quran hanya dapat dilaksanakan dengan bantuan daripada hadis atau sunnah baginda Rasulullah SAW (Mohd Khafidz, 2022). Ia menjadi salah satu metode terpenting bagi memahami hukum hakam yang terdapat di dalam Al-Quran. Sebagai contoh khutbah Jumaat berkaitan isu halal dan haram yang dibahaskan di dalam khutbah Jumaat negeri Johor pada tahun 2018 yang bertajuk "Halal Itu Jelas, Haram Itu Jelas". Dalam khutbah tersebut, khatib menjelaskan bahawa betapa signifikannya urusan yang melibatkan halal dan haram kerana ia memberi panduan kepada manusia tentang kebaikan dan menjauhkan diri daripada keburukan. Sabda Rasulullah SAW,

عَنْ النَّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ- قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ، وَعَرْضَهُ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحَمَمِ، يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حَمَمٌ، أَلَا وَإِنَّ حَمَمَ اللَّهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا

وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ (رواه  
مسلم)

“Daripada Abu Abadullah Al-Nu’man Ibn Basyir RA, beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah (ﷺ) bersabda: “Sesungguhnya, yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas dan antara keduanya (halal dan haram) itu samar-samar, tidak diketahui oleh kebanyakkan manusia, maka barangsiapa memelihara diri daripada perkara yang samar-samar (syubhah), ia menyelamatkan agama dan maruahnya, barangsiapa terjerumus ke dalam perkara syubhah, maka ia telah terjebak dalam perkara haram” (HR Muslim). (An-Naisaburi., 1955)

Hadis ini dikuatkan lagi dengan firman Allah SWT,

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوْمِمَا فِي الْأَرْضِ حَلَّاً طَيِّبًا وَلَا تَتَبَعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ وَلَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ<sup>١٦٨</sup>

“Wahai sekalian manusia!, makanlah daripada sesuatu yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.” (Al-Baqarah:168)

Melalui ayat tersebut, manusia sama ada Islam mahupun kafir telah mendapat seruan yang sama untuk makan makanan daripada sumber yang telah Allah SWT nyatakan halal dan toyyiban (dalam keadaan yang baik) serta tidak memberi kemudratan kepada diri. Halal yang dimaksudkan bukan sahaja dari sudut jenis makanan atau minuman, tetapi juga daripada sumber serta cara mendapatkannya. Para ulama seperti Imam al-Ghazali menegaskan bahawa hukum hakam Islam diwujudkan bagi memberi kemaslahatan seperti *dharuriyyah*, *hajiyah* dan *tahnisiyyah* kepada seluruh manusia di dunia dan akhirat (Faiqatul Husna, 2020).

Walaupun perkara yang halal dan haram itu jelas di dalam hadis tersebut, tetapi perkataan "antara keduanya (halal dan haram)" menunjukkan samar-samar atau kekeliruan status sama ada halal atau haram. Oleh itu, hadis tersebut memberi isyarat atau petunjuk kepada umat Islam supaya sentiasa berhati-hati dan menjauhi perkara yang bersifat syubhah kerana dikhuatiri termasuk ke dalam unsur atau perkara haram dan membinasakan akidah manusia (Ahmad Hidayat & Siti Fatimah, 2016) . Tambahan lagi, khutbah tersebut juga ada menyebut dan membincangkan tentang hikmah kewujudan halal haram dan juga kelebihan yang Allah SWT janjikan kepada hamba-Nya yang sentiasa menjaga perkara halal dan mengelakkan diri daripada perkara haram dalam kehidupan. Justeru, terbukti bahawa hadis juga menjadi asas serta panduan dalam memahami syariat Islam supaya masyarakat sentiasa berada pada jalan yang Allah SWT dan tidak sesat atau terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar.

### Beramal dengan Sunnah Rasulullah SAW

Terdapat pelbagai amalan sunnah Rasulullah SAW yang telah ditinggalkan oleh baginda untuk umatnya yang menjadi panduan dan amalan dalam kehidupan seharian umat Islam. Walau bagaimanapun, belum ramai masyarakat Islam yang boleh melaksanakannya secara berterusan kerana tidak memahami definisi sunnah yang sebenar dan beranggapan bahawa tidak menjadi suatu dosa atau kesalahan jika tidak melakasankannya. Oleh itu, khutbah Jumaat merupakan antara medium yang berkesan bagi menyampaikan kepentingan tersebut kepada seluruh umat Islam.

Hadis yang disampaikan melalui khutbah Jumaat kebanyakannya menyeru umat Islam untuk mengamalkan sunnah-sunnah Rasulullah SAW. Sepertimana khutbah Jumaat Wilayah Persekutuan yang bertajuk “*Kewajipan Mempertahankan Rasulullah SAW*” tahun 2022, menjelaskan berkaitan hikmah dan rahmat pengutusan Rasulullah SAW kepada umat Islam. Rasulullah SAW datang dengan membawa cahaya hidayah serta rahmat kepada umatnya sehingga berjaya mengeluarkan manusia daripada kegelapan dosa dan kemaksiatan. Firman Allah SWT,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقْوُا اللَّهَ وَعَامِنُوا بِرَسُولِهِ يُؤْتِكُمْ كِفْلَيْنِ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَجْعَلُ لَكُمْ نُورًا تَمْشُونَ بِهِ  
وَيَعْفُرُ لَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ <sup>٢٨</sup>

“Wahai orang-orang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan tetaplah beriman kepada RasulNya (Muhammad), supaya Allah memberi kepada kamu dua bahagian dari rahmatNya, dan menjadikan bagi kamu cahaya untuk kamu berjalan dengannya (pada hari kiamat kelak), serta diampunkan dosa kamu, dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.” (Al-Hadid: 28)

Khutbah ini juga mengajak setiap individu muslim untuk bersama-sama mengamalkan sunnah-sunnah baginda SAW dan mengasihi baginda dengan mendidik anak-anak dan isteri serta seluruh keluarga untuk bersama-sama mengamalkan segala sunnah-sunnah Baginda SAW dan mengasihi Baginda SAW. Sabda Rasulullah SAW,

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ (رواه البخاري)

“Tidak (sempurna) iman salah seorang daripada kamu sehinggalah aku lebih dikasihinya, berbanding bapanya, anaknya dan orang-orang keseluruhannya”. (HR Al-Bukhari) (Al-Bukhārī, 1980)

Di samping itu, khutbah Jumaat di negeri Sarawak yang bertajuk “*Meneladani Rasulullah dan Menghayati Sunnahnya*” tahun 2020, menyeru umat Islam supaya mencontohi akhlak Rasulullah SAW terhadap keluarga iaitu dengan menyantuni dan bersifat ramah terhadap ahli keluarga. Sabda baginda Rasulullah SAW,

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: حَيْرُكُمْ حَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا حَيْرُكُمْ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ (رواه الترمذی)

“Daripada Saidatina Aisyah RA, bahawa Rasulullah (ﷺ), “Sebaik-baik kalian adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku. Dan apabila salah seorang daripada ahli keluarga kalian meninggal dunia, maka biarkanlah ia (tinggalkan ia dan jangan berbicara tentang keburukkannya).” (HR At-Tirmidzi) (At-Tirmidzi, 1996)

Oleh hal yang demikian, khutbah juga berupaya membentuk akhlak umat Islam seperti akhlak Baginda SAW dengan mengikuti sunnah serta mencontohi baginda Rasulullah SAW dalam kehidupan. Amalan-amalan sunnah amatlah dituntut untuk diamalkan oleh setiap individu muslim khususnya, kerana ia adalah sumber kekuatan bagi setiap individu untuk meningkatkan keyakinan dengan mengikuti baginda Rasulullah SAW yang merupakan contoh teladan terbaik (Muhammad Hafiy et al., 2021). Pihak penguatkuasa agama yang bertanggungjawab dalam

menyediakan teks khutbah telah berjaya membantu mendidik masyarakat Islam untuk mengasihi dan mencontohi Baginda SAW sebagai contoh pemimpin yang terbaik dalam kehidupan. Ini kerana, kebanyakkan tajuk dalam teks khutbah Jumaat setiap negeri mempunyai tajuk yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW dan keperibadian baginda seperti khutbah Jumaat negeri Sarawak, negeri Johor, Wilayah Persekutuan dan sebagainya.

### Menambah Ilmu Pengetahuan

Khutbah bukan sahaja memberi penjelasan dan panduan kepada umat Islam tentang isu semasa yang berlaku pada masa kini, malah ia juga meningkatkan pengetahuan (ilmu) terhadap pendengar (jemaah) dan penyampai (*khatib*) kerana ia mendidik serta membimbang umat Islam tentang ajaran Islam (Bukhari & Gondal, 2020). Hal ini demikian kerana, khutbah yang disampaikan pada setiap minggu mengandungi pelbagai dalil daripada Al-Quran dan hadis yang bersesuaian mengikut tema khutbah yang disampaikan. Dalil-dalil tersebut membantu masyarakat untuk memahami dengan lebih mendalam tentang tajuk khutbah yang disampaikan. Pemahaman hadis yang betul amatlah penting bagi mengelakkan berlaku kerosakan akidah umat Islam. Oleh itu, umat Islam dituntut untuk meningkatkan ilmu pengetahuan supaya tidak berlaku salah faham dalam memahami suatu bidang ilmu khusunya berkaitan hadis. Sabda Rasulullah SAW,

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - ﷺ - : " طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ، وَوَاضِعُ الْعِلْمِ عِنْدَ غَيْرِ أَهْلِهِ كَمُقْلِدٍ الْخَنَازِيرِ الْجَوْهَرَ وَاللُّؤْلُؤَ وَالدَّهَبَ" (رواه ابن ماجه)

“Daripada Anas bin Malik RA, yang menyatakan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap muslim”. (HR Ibn Majah) (Al-Qazwini, 2009).

Terdapat banyak faedah dan manfaat yang diperolehi oleh individu yang mementingkan ilmu kerana ia menjadi pengukur dalam kehidupan sama ada baik atau buruk. Allah SWT juga mengangkat martabat orang-orang yang berilmu berdasarkan firmanNya,

يَرْفَعُ اللَّهُ أَذْلَانَ الَّذِينَ ظَاهَرُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

“Allah SWT meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjah.”(Al-Mujadalah: 11)

Ahli agamawan merupakan antara golongan yang bertanggungjawab untuk memastikan masyarakat berminat mendalami dan mencari ilmu, dan khutbah Jumaat adalah antara usaha yang dilakukan bagi menarik minat masyarakat untuk mempelajarinya. Hampir kesemua khutbah Jumaat di Malaysia ada membahaskan tema-tema yang berkaitan dengan ilmu, antaranya khutbah negeri Perak yang bertajuk “*Kepentingan Menuntut Ilmu*” tahun 2020. Khutbah ini menghuraikan tentang kelebihan orang-orang yang menuntut ilmu dunia mahupun akhirat.

Salah satu kelebihan individu yang berilmu ialah, mendapat kemudahan jalan untuk ke syurga berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَتَسَمَّسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ (رواه الترمذی)

“Daripada Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah (ﷺ) “ Sesiapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, Allah SWT akan memudahkan baginya jalan ke syurga”. (HR At-Tirmidzi) (At-Tirmidzi, 1996)

Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa Allah SWT akan memberi kemudahan untuk ke syurga bagi hamba-Nya yang berusaha dalam mendalami dan menuntut ilmu. Ilmu yang dipelajari bukan sekadar ilmu dunia, tetapi juga ilmu yang mengubati rohani manusia serta mendekatkan diri manusia dengan pencipta. Segala jenis ilmu pengetahuan sebenarnya bersumberkan daripada Allah SWT, kerana tujuan utama menuntut ilmu adalah untuk mengetahui serta menyingkap suatu kebenaran (Hasir Budiman, 2020). Justeru, hadis-hadis yang disampaikan melalui khutbah terbukti memberi kepentingan dan manfaat kepada umat Islam jika ia dihayati dengan tepat dan benar serta diamalkan dalam kehidupan.

### Kesan Hadis Khutbah Jumaat Terhadap Pembentukan Sahsiah Masyarakat Islam

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Empat (2005), sahsiah membawa maksud keperibadian, perwatakan dan personaliti. Peribadi pula bermaksud diri sendiri, perseorangan, sifat-sifat atau sikap seseorang yang membezakan dirinya daripada orang lain. Pembentukan sahsiah ialah proses pembinaan sifat-sifat positif dalam diri seseorang bagi membina personaliti yang tulus dan bersih. Proses pembentukan tersebut sebenarnya mempunyai hubungkait yang rapat dengan sikap atau sifat yang dimiliki oleh seseorang yang meliputi aspek fizikal, emosional, spiritual dan intelektual (Beni Widarman et al., 2016).

Bagi membentuk sahsiah masyarakat Islam, asas-asas yang terdapat di dalam Al-Quran dan sunnah diperlukan untuk dijadikan panduan kepada manusia (Nurul Izzaty Nor et al., 2019). Oleh itu, khutbah Jumaat juga membantu dalam membentuk sahsiah umat Islam melalui dalil-dalil Al-Quran serta hadis yang menjadi penguat kepada khutbah yang disampaikan. Intipati atau isi kandungan khutbah Jumaat sebenarnya mempengaruhi perubahan sosial masyarakat Islam dari aspek akidah, ibadah, akhlak dan kehidupan sosial masyarakat Islam. Hal ini kerana, matlamat utama pelaksanaan khutbah adalah untuk membimbing dan memberi panduan bagi menyedarkan masyarakat khususnya, umat Islam berkaitan akhlak Islam dengan memfokuskan kepada disiplin dan adab dalam bermasyarakat (Ali-Agan, 2016) di samping mendidik rohani manusia.

#### Aspek Akidah

Kecanggihan teknologi dan sains serta pengaruh yang negatif daripada media cetak dan elektronik telah membawa kesan buruk kepada masyarakat, khususnya umat Islam. Keadaan tersebut telah menghapuskan pembangunan sahsiah masyarakat kerana mempengaruhi pemikiran dan akidah mereka. Keperluan untuk memberi penekanan terhadap isu akidah dilihat sebagai perkara yang amat penting supaya dapat memelihara pemikiran dan keyakinan umat Islam (Munirah et al., 2020). Firman Allah SWT,

وَمَا أَحَبَّهُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهُوَ لَلَّدَاعُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقَوْنَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan: dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertaqwa. Oleh itu, tidakkah kamu mau berfikir?.” (Al-An’am: 23)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa kehidupan di dunia hanyalah melalaikan dan bersifat sementara. Ini kerana, kehidupan di akhirat itu adalah lebih utama dan kekal abadi. Akidah menurut istilah syarak bermaksud keyakinan yang khusus kepada Allah SWT, malaikat, kitab-kitab, para Rasul, hari kiamat serta beriman kepada ketentuan yang telah ditentukan kepada setiap makhluk sama ada baik atau buruk. Setiap umat Islam wajib mempunyai keyakinan yang teguh kepada pencipta dan berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunnah. Sabda Rasulullah SAW,

ترکُثْ فِيكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكُتُمْ بِهَا : كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةُ نَبِيِّهِ ﷺ (رواه مالك)

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah Nabi-Nya (Sunnah Nabi ﷺ).” (HR Malik) (Anas, 1985)

Berdasarkan kepada hadis tersebut, Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW ialah panduan utama kepada umat Islam. Al-Quran dan Sunnah membantu umat Islam memahami hukum hakam Islam bagi memudahkan mereka beramal dengan apa yang telah disyariatkan. Malah, ia merupakan sumber Islam yang bersifat sempurna dan tetap. Allah SWT mengurniakan kedua-dua sumber tersebut untuk menjadi pegangan dan pengajaran bagi umat Islam. Di dalamnya terkandung dasar-dasar, amalan serta nilai yang diperlukan dalam kehidupan manusia (Aminudin & Akila, 2016).

Sabda Rasulullah SAW,

أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذِكْرًا، وَأَحْسَنُهُمْ لِمَا بَعْدَهُ اسْتِعْدَادًا، أُولَئِكَ الْأَكْيَاسُ (رواه ابن ماجه)

“Mereka yang paling banyak mengingati mati dan yang paling baik persediaannya untuk selepas daripada mati, mereka itulah orang-orang yang bijak.” (HR Ibn Majah) (Al-Qazwini, 2009)

Hadis tersebut menjelaskan tentang karakteristik orang yang cerdik seperti yang dinyatakan oleh Baginda SAW, iaitu mereka yang mempersiapkan dirinya untuk menghadapi alam akhirat dengan meningkatkan amalan-amalan serta meninggalkan segala larangan Allah SWT. Dalam pada itu, akidah pada dasarnya, termasuk di dalam rukun iman yang enam (Susiba, 2019) seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Pendidikan akidah yang memberi kesan kepada penghayatan dan pemahaman masyarakat tentang ajaran Islam adalah dasar kepada pembentukan sahsiah Islam dan menjadi kepentingan kepada amalan seseorang (Ahmad Yunus et al., 2017). Mengukuhkan akidah dalam diri setiap individu merupakan antara metode dakwah yang paling baik kerana memberi kesan yang kuat terhadap hati dan jiwa individu muslim.

Selain itu, mengingati mati adalah antara kaedah untuk membersihkan hati dan jiwa manusia daripada segala sifat mazmumah (sifat buruk). Ia boleh melahirkan perasaan kesal dalam diri manusia atas perbuatan maksiat yang dilakukan, dan merasa takut untuk mengulangi atau melakukan dosa-dosa yang lain. Dengan mengingati mati, keyakinan kita terhadap Allah SWT

akan lebih kukuh dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri menjadi hamba-Nya yang beriman dan bertakwa.

### Aspek Ibadah

Ibadah juga merupakan antara aspek terpenting dalam pembentukan sahsiah umat Islam. Ibadah adalah antara elemen yang perlu ada dan wajib diamalkan oleh setiap individu muslim. Individu yang berpegang kepada ajaran agama Islam sepenuhnya adalah mereka yang berpegang sepenuhnya kepada aspek akidah Islam yang sebenar dengan melakukan ibadah seperti yang telah disyariatkan dan berakhhlak mulia. Hal ini terbukti bahawa ibadah merupakan elemen terpenting yang wajib dilakukan oleh setiap individu muslim bagi membantu mereka menghayati kehidupan beragama di samping sentiasa memperbaharui keimanan mereka (Norulhuda & Mariam, 2017). Oleh itu, penekanan aspek ibadah membantu menambahkan lagi keimanan dan ketakwaan umat Islam terhadap Allah SWT.

Ibadah mempunyai makna yang besar dan luas yang mencakupi semua perbuatan bagi orang-orang yang beriman. Makna ibadah dibahagikan kepada dua iaitu, hubungan dengan pencipta (Allah SWT) dan juga hubungan sesama manusia. Hubungan kepada Allah SWT (*hablum minallah*) meliputi ibadah yang khusus dan berterusan seperti kewajipan solat, puasa, membayar zakat dan mengerjakan haji bagi yang berkemampuan. Sementara itu, hubungan sesama makhluk (*hablum minannas*) seperti berjihad pada jalan Allah (mempertahankan) agama, perkahwinan seperti talaq, ekonomi seperti jual beli, jenayah seperti qisas dan had dan sebagainya (Mat Syaifi, 2011).

Nilai ibadah yang perlu dicambahkan dalam diri setiap manusia adalah nilai ketakwaan dan ketaatan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Nilai takwa terhadap Allah SWT adalah dalam bentuk memelihara ibadah, menahan diri daripada hawa nafsu dan perbuatan maksiat dari sudut fizikal atau hati dan sebagainya. Nilai takwa akan wujud dalam diri manusia sekiranya segala perbuatan baik dilakukan kerana Allah SWT. Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَقُوْا اللَّهَ وَأَبْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٢٠

“Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah SWT dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya, dan berjihadlah pada jalan-Nya, supaya kamu mendapat keuntungan.” (Al-Ma’idah: 35)

Ayat ini menyeru sekalian manusia supaya mendekatkan diri kepada Allah SWT walau hanya dengan sekelumit iman sebagaimana yang disebutkan dalam ayat tersebut. Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT juga menyeru umat Islam supaya mendekatkan diri kepada-Nya melalui pelbagai cara seperti melaksanakan kewajipan yang telah ditetapkan dalam Islam. Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh umat Islam bagi menambah penghayatan dalam kehidupan beragama supaya dapat menghindarkan diri daripada terjebak dengan permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat ialah dengan solat. Sebagaimana firman Allah SWT,

أَتُؤْمِنُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ٤٠

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun), sesungguhnya mengingati Allah SWT adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah Allah maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.” (Al-Ankabut: 45)

Ayat di atas menjelaskan bahawa solat menjadi tembok dan halangan bagi seseorang individu muslim daripada melakukan segala perkara yang dimurkaai Allah SWT jika solat tersebut ditunaikan dengan baik (sempurna) zahir dan batin. Malah, ia juga menyucikan jiwa serta rohani individu daripada segala kekotoran yang tercela. Sabda Rasulullah SAW,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: أَرَأَيْتُمْ  
لَوْ أَنَّ هَرَّاً بَيْتَ أَحَدِكُمْ يَعْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ حَمْسَ مَرَاتٍ، هَلْ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ؟» قَالُوا: لَا يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ  
شَيْءٌ، قَالَ: فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَواتِ الْحَمْسِ، يَمْحُو اللَّهُ بِهِنَّ الْخَطَايَا (رواه مسلم)

“Dari Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, sedangkan dalam hadis Bakr, ia mendengar Rasulullah (ﷺ) bersabda: ‘Bagaimana pendapat kalian, sekiranya ada sungai berada dekat pintu salah seorang diantara kalian yang ia gunakan untuk mandi lima kali sehari, mungkin kotornya masih ada?’ Para sahabat menjawab, ‘Kotornya tidak akan tinggal,’ Baginda bersabda: ‘Itulah perumpamaan solat lima waktu yang dengannya Allah akan menghapus kesalahan-kesalahan’. (HR Muslim) (An-Naisaburi., 1955)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصَّلَواتُ الْحَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، كَفَازَاتُ لِمَا بَيْنَهُنَّ (رواه مسلم)

“Dari Abu Hurairah RA, Nabi (ﷺ) bersabda, “Solat lima waktu Jumaat ke Jumaat dan Ramadan ke Ramadan adalah penghapus dosa-dosa yang dilakukan antaranya apabila seseorang itu menjauhi dosa-dosa besar”. (HR Muslim) (An-Naisaburi., 1955)

Berdasarkan kepada kedua-dua hadis tersebut, jelaslah bahawa selain membersihkan rohani dan jasmani manusia, solat juga dapat menghapuskan dosa. Malah, ia menjadi pelindung kepada diri kita daripada dosa-dosa kecil dan besar. Selain itu, umat Islam juga dituntut untuk sentiasa istiqamah dalam beribadah dan menjadikan solat sebagai asas kepada perbuatan istiqamah tersebut. Istiqamah dalam beribadah dapat dicapai sekiranya ibadah yang dilakukan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda,

عَنْ عَائِشَةَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَتَّهِجُرُ حَصِيرًا بِاللَّيْلِ فَيُصَلِّي عَلَيْهِ، وَيَبْسُطُهُ بِالنَّهَارِ فَيَجْلِسُ عَلَيْهِ،  
فَجَعَلَ النَّاسُ يَتَوَبُونَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيُصَلِّوْنَ بِصَلَاتِهِ حَتَّىٰ كَثُرُوا، فَأَقْبَلَ فَقَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ، حُذُوا  
مِنَ الْأَعْمَالِ مَا تُطِيقُونَ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ حَتَّىٰ تَمُلُّوا، وَإِنَّ أَحَبَّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ مَا دَامَ وَإِنْ قَلَ (رواه البخاري)

“Dari Aisyah RA, bahawa pada suatu malam Nabi (ﷺ) mengambil tikar yang diperbuat daripada pelepah daun tamar untuk dijadikan dinding tempat baginda bersolat di waktu malam dan di waktu siang baginda menghamparkan tikar daun tamar itu dan duduk di atasnya, orang pun datang berkumpul kepada Rasulullah (ﷺ) lalu solat seperti sebelumnya sehingga ramai yang mengikutinya, Rasulullah SAW datang dan menemui mereka lalu bersabda, “Wahai sekalian manusia, beramallah sekadar kemampuan kamu, bahwasanya, Allah SWT tidak akan berasa jemu sehingga kalian merasa jemu. Dan sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah

adalah amalan yang dikerjakan secara berterusan walaupun hanya sedikit". (HR Bukhari) (Al-Bukhārī, 1980).

Berdasarkan dalil-dalil muktabar daripada Al-Quran dan hadis tersebut, terbuktilah bahawa solat yang sempurna dapat membentuk sahsiah umat Islam ke arah yang lebih baik dan cemerlang. Kesan tersebut bukan sahaja dilihat dari sudut zahir, malah ia juga dilihat dari sudut hasil tingkah laku atau sikap individu muslim tersebut terhadap kepatuhan kepada perintah Allah SWT (Suhaimi et al., 2019). Oleh itu, jelaslah bahawa solat mampu menjadi antara salah satu metode terbaik untuk membentuk keperibadian sahsiah muslim. Hal ini kerana, ia menjadi benteng bagi mengukuhkan agama di samping menghindari manusia daripada terjebak dengan gejala yang membawa kepada kebinasaan dan kehancuran hidup di dunia dan akhirat. Dengan solat, segala tindak tanduk atau perbuatan seseorang akan menjadi lebih terkawal kerana percaya bahawa Allah SWT maha mengetahui setiap perbuatan manusia.

### Aspek Akhlak

Tujuan utama Allah SWT mengutuskan Rasulullah SAW kepada umat Islam adalah untuk menyempurnakan akhlak kerana ia mengambarkan kepada ketulusan dan kemurnian akidah seseorang. Dari sudut bahasa, akhlak merujuk kepada adab dan tingkah laku. Manakala, akhlak dari sudut istilah menurut Imam al-Ghazali ialah sifat tetap pada diri dan jiwa seseorang, sehingga membolehkannya menzahirkan perbuatan tersebut secara semula jadi tanpa memerlukan kepada pemikiran (Marzuki, 2009). Ajaran Islam mempunyai tiga prinsip utama iaitu, iman, Islam dan ihsan, ketiga-tiga prinsip tersebut saling berkaitan dan tidak dapat dipisahkan (Sri Maryati et al., 2022). Akhlak ialah salah satu elemen Islam yang termasuk dalam aspek ihsan.

Ihsan dan iman menjadi penyebab kepada kewujudan akhlak dan ihsan dalam diri setiap individu manusia. Kewujudan iman dan ihsan dalam diri manusia akan membuatkan dirinya berasa sentiasa diawasi dan diperhatikan oleh Allah SWT ketika melakukan ibadah dan menjalani kehidupan seharian. Oleh itu, Allah SWT telah mengutuskan Rasulullah SAW sebagai contoh yang sempurna bagi mendidik manusia tentang tujuan sebenar kehidupan di dunia ini. Sabda Rasulullah SAW,

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا نَكَرَ تَرَاهُ، فَإِنَّكَ إِنْ لَا تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ (رواه مسلم)

“...hendaklah kamu menyembah Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya, jika kamu tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia (Allah SWT) melihat kamu”. (HR Muslim) (An-Naisaburi., 1955)

Sepertimana yang kita tahu, akhlak Rasulullah merupakan akhlak yang wajib dicontohi dan diteladani oleh setiap manusia. Firman Allah SWT,

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ إِنَّمَا كَانَ يَرْجُوا أَنَّ اللَّهَ وَالْيَوْمَ أُلَّا يَخْرُجَ وَذَكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا

“Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah SWT dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).” (Al-Ahzab: 21)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah mewariskan sunnahnya supaya menjadi ikutan dan pegangan setiap manusia seperti perbuatan-perbuatan dan akhlak baik baginda SAW. Justeru, amalkanlah sunnahnya agar mendapat reda Allah dan balasan baik di akhirat kelak. Banyakkanlah juga memohon keampunan daripada Allah SWT, dan bersyukur atas segala nikmat kurniaan-Nya (Ulama-ulama Terkemuka, 2009).

Suburkanlah sifat mahmudah (baik) dalam diri setiap individu seperti sifat tawaduk, rendah hati dan ketulusan budi pekerti jika ingin sentiasa mendekati Allah dan menghayati ajaran Islam. Sifat merendah diri (tawaduk) merupakan asas utama kepada penyucian jiwa dan ketulusan budi pekerti. Sifat terpuji (mhmudah) menjadi dasar kepada terpeliharanya hubungan yang baik dengan pencipta (Allah SWT) dan hubungan sesama manusia. Dengan mengamalkan sifat-sifat tersebut, maka manusia akan sentiasa bergantung kepada Allah SWT sebagai pencipta, memelihara hubungan persaudaraan dan sebagainya kerana menyedari hakikat dirinya sebagai seorang hamba kepada Nya.

Sabda Rasulullah SAW,

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ وَسَلَّمَ: ثَلَاثُ مُهْلِكَاتٍ: شُحٌّ مُطَاعَ، وَهُوَيْ مُتَبَعٌ، وَإِعْجَابُ الْمُرْءَ بِنَفْسِهِ...  
(رواه الطبراني)

“Tiga perkara yang membinasakan: Orang yang kedekut ditaati, hawa nafsu yang diikuti dan seseorang itu merasa kagum pada dirinya”. (HR Tabrani) (Al-Tabrani, 1995)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa sifat ujub (bangga diri) adalah antara sifat yang tercela dan memusnahkan segala amalan kebaikan yang dilakukan. Imam al-Ghazali menyatakan bahawa ujub ialah sifat bangga diri sehingga merendahkan orang lain. Ujub juga didefinisikan sebagai merasa diri cukup dan berbangga dengan nikmat yang ada tanpa menyedari sifat tersebut adalah induk kepada sifat takkarbur. Beliau juga menjelaskan bahawa sifat ujub adalah antara tiga penyakit hati yang utama, wujud dalam diri manusia (Dyah Nawangsari, 2013). Malah, beliau juga menegaskan bahawa terdapat beberapa elemen utama yang membantu manusia untuk memiliki sifat terpuji, antaranya, hikmah, adil, *syaja'ah* (berani) dan '*iffah* (menahan diri) (Sri Maryati et al., 2022).

Pendidikan akhlak ialah perkara yang perlu diterapkan dalam diri setiap individu. Hal ini demikian kerana, akhlak dan adab menjadi sumber utama kepada penghayatan dan pengamalan dalam Islam. Berdasarkan Imam al-Ghazali, akhlak ialah ciri-ciri yang menetukan kemuliaan diri seseorang individu jika Islam itu benar-benar dihayati dan diamalkan (Maimun Aqsha et al., 2017). Dalam Islam akhlak ditentukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Al-Quran dan Sunnah. Malah, ia juga dilihat dari sudut pemikiran (akal) dan pendapat umum manusia. Fitrah tauhid yang dimiliki setiap insan tidak sesekali menolak perkara yang membawa kepada kebaikan. Hal ini disebabkan, manusia mempunyai fitrah tersendiri yang membuatkannya mampu untuk membuat keputusan berdasarkan kepada ilmu dan pengalaman.

## Aspek Kehidupan Sosial

Al-Quran dan Sunnah yang menjadi pegangan umat Islam sebenarnya mengandungi pelbagai bimbingan serta panduan untuk menjamin kesejahteraan hidup masyarakat. Ini kerana, tanpa wujud kesejahteraan, manusia akan sentiasa hidup dalam kebimbangan dan ketakutan. Selain

memelihara aspek rohani dalam diri seperti akhlak, akidah, ibadah (spiritual) dan sebagainya, aspek sosial juga perlu diberi penekanan supaya keharmonian hidup dapat dicapai.

Sabda Rasulullah saw,

عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ (رواه البخاري)

“Dari Anas RA, Rasulullah ﷺ bersabda, “tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.” (HR Bukhari) (Al-Bukhārī, 1980)

Berdasarkan kepada hadis tersebut, Islam sangat mementingkan hubungan kasih sayang dan umat Islam diperintahkan untuk berkasih sayang dengan menjaga hubungan baik sesama makhluk, seperti manusia, haiwan, alam sekitar dan sebagainya. Bagi menjamin kesejahteraan masyarakat, penerapan nilai kasih sayang amatlah penting. Sikap mengambil berat, prihatin, tolong menolong, tolak ansur, memelihara kebajikan adalah antara kriteria penting untuk menghasilkan generasi masyarakat dan keluarga yang bahagia dan sejahtera (Siti Norlina et al., 2004).

Firman Allah SWT,

وَالَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَيِّعاً مَا أَلْفَتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ وَعَزِيزٌ  
حَكِيمٌ<sup>٦٣</sup>

“Dan (Dia lah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalau lah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Al-Anfal: 63)

Di samping itu, ukhuwah membawa maksud persaudaraan yang menggabungkan antara dua individu atau lebih. Ukuwah ialah kurniaan daripada Allah SWT yang tidak boleh didapati dengan wang ringgit. Ukuwah yang paling utama iaitu ukuwah Islamiyyah ialah persaudaraan yang wujud sesama umat Islam yang berdasarkan kepada iman dan akidah (Eva & Friscilla Wulan, 2019).

Sabda Rasulullah SAW,

قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: وَجَبَتْ مَحْبَبَتِي لِلْمُتَحَايِّنِ فِيِّ، وَالْمُتَجَالِسِينِ فِيِّ، وَالْمُتَرَاوِرِينِ فِيِّ، وَالْمُتَبَادِلِينِ فِيِّ

“Allah SWT telah berfirman : Kecintaanku pasti diperolehi oleh orang yang saling mengasihi kerana-Ku, saling berkumpul kerana-Ku, saling mengunjungi kerana-Ku, dan saling memberi kerana-Ku”. (HR Ahmad) (Ahmad, 2001)

Ukuwah atau persaudaraan adalah nikmat yang dikurniakan kepada setiap insan hasil daripada kukuhnya iman dan takwa yang melahirkan rasa kasih sayang yang kuat, saling mempercayai dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Ukuwah mengandungi pelbagai jenis seperti *ukhuwah nasabiyah*, *ukhuwah wataniyyah wa qaumiyah* dan *ukuwah islamiyyah/diniyyah* (Suriati et al., 2019). Kesan daripada perasaan kasih sayang tersebut, maka lahirlah perasaan ikhlas untuk bentu-membantu sesama insan, maaf memaafi, semangat setia kawan, bersikap mulia dan sebagainya. Ukuwah tidak wujud tanpa adanya iman dan takwa

begitu juga sebaliknya. Justeru, umat Islam hendaklah sentiasa menjaga hubungan sesama manusia supaya perpaduan dalam umat Islam sentiasa teguh di samping bersatu hati dalam mempertahankan agama Islam.

## Kesimpulan

Hadis mempunyai peranan yang penting dalam khutbah Jumaat kerana berupaya mendidik serta memotivasi masyarakat Islam. Ini kerana, isi khutbah Jumaat mengandungi pelbagai dalil Al-Quran dan hadis yang membantu mengukuhkan lagi hujah dalam khutbah, di samping membantu masyarakat menambah ilmu pengetahuan serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian, khususnya hadis yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Pemahaman hadis yang baik dan tepat perlulah diambil perhatian untuk memelihara dan menjamin kesucian hadis Rasulullah SAW. Justeru, kualiti hadis yang disampaikan melalui khutbah Jumaat seharusnya dititikberatkan supaya objektif dakwah dapat dicapai bagi membimbing manusia kembali ke jalan Allah SWT.

## Rujukan

### Al-Quran

- Abur Hamdi, U., & Mohd Norzi, N. (2022). Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat. *Journal Hadis*, 12(23), 34–50.  
<https://doi.org/10.53840/HADIS.V12I23.182>
- Ahmad, Ahmad Ibn Hanbal. (2001). *Musnad Ahmad*. (n.p): Mua'sasah al-Risalah
- Ahmad Hidayat, B., & Siti Fatimah, H. (2016). Halal, Haram dan Syubhah dalam Makanan dari Perspektif Syariah dan Undang-Undang. *AL-BASIRAH Journal*, 6(1), 49–61.  
<https://mjes.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/18962>
- Ahmad Yunus, K., Samsuddin, A. H., & Misnan, J. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif*, 9(1), 89–100.  
<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1770>
- Ali-Agan, A. B. I. (2016). An Appraisal of Shaykh Kishk's Khutbah Presentation. *Intellectual Discourse*, 24(1), 157–169.
- Aminudin, B., & Akila, M. (2016). Konsep Berpegang Kepada Al-Quran dan Al-Sunnah Menurut Manhaj Ahli Hadis. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 12(1), 48–58.  
<https://doi.org/10.37231/jimk.2016.12.0.148>
- An-Naisaburi, Abul Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi. (1955). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-'Arabi.
- Anas, Malik ibn Anas. (1985). *al-Muwatta 'Malik*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-'Arabi.
- At-Tirmidzi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. (1996). *Sunan At-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl. (1980). *Sahih Bukhari*. Beirut: al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha.
- Beni Widarman, Y. K., Ahmad Johari, S., Khairuddin, M., Malek, Siti Nur Farhana, M. H., Adila Firdaus, A., Liang, O., Fuh, & Mohamad Helmy, C. H. (2016). Kepentingan Media Sosial Terhadap Pembangunan Sahsiah Mahasiswa. *NASDEC*.
- Bukhari, S. A. G., & Gondal, A. Q. (2020). Friday Sermon as a Channel to Resolve the Ethical Issues in Contemporary Muslim Societies. *Al-Qamar*, 3(1), 57–62.  
<http://alqamarjournal.com/index.php/alqamar/article/view/64>
- Dyah Nawangsari. (2013). Konsep Tazkiyyah Al-Nafs (Pembersihan Jiwa) Al-Ghazali. *Al-Fitrah*, 9(1), 1–17. <http://ejournal.iain-jember.ac.id/index.php/alfitrah/article/view/271>
- Eva, I., & Friscilla Wulan, T. (2019). Ukhuwah Islamiyah dan Peranan Masyarakat Islam

THE 8<sup>th</sup> INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

- dalam Mewujudkan Perdamaian: Studi Literatur. *Jurnal Ilmiah Universitas Batanghari Jambi*, 19(2), 401–405. <https://doi.org/10.33087/JIUBJ.V19I2.688>
- Faiqatul Husna. (2020). Virus Corona Dampak Dari Makanan Yang Tidak Halal. *SALAM: Jurnal Sosial Dan Budaya Syar-I*, 7(6), 565–580. <https://doi.org/10.15408/sjsbs.v7i6.15318>
- Hasir Budiman, R. (2020). Hubungan Ilmu dan Agama Ditinjau dari Perspektif Islam. *Jurnal Al-Maqasid*, 5(1), 55–68. <https://doi.org/10.24952/ALMAQASID.V5I1.1717.G1467>
- Al-Juday, Abdullah ibn Yusuf. (2003). *Tahrir 'Ulum al-Hadis* (1st ed., Vol. 1). Muassat al-Riyyan.
- Maimun Aqsha, A. L., Nor Faizah, A. H., & Nur Syamira, A. W. (2017). *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam*. UKM Press.
- Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (1993). *Lisan al-Arab* (2nd ed.). Dar Sadir.
- Marzuki. (2009). Prinsip Dasar Akhlak Mulia. In *Journal of Chemical Information and Modeling* (Vol. 53). Debut Wahana Press.
- <http://library.fis.uny.ac.id/digital/fisbook/e4da3b7fbce2345d7772b0674a318d5/>
- Mat Syaifi. (2011). Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Ibadah Puasa. *Lentera Pendidikan : Jurnal Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan*, 14(2), 137–151. <https://doi.org/10.24252/lp.2011v14n2a2>
- Mohd Al Adib, S., & Norfadilah, A. (2019). Wacana Undang-Undang Hudud dalam Khutbah Jumaat di Negeri-Negeri Terpilih di Malaysia. *Islamiyyat*, 41(2), 117–129. <https://doi.org/10.1757/islamiyyat-2019-4001-12>
- Mohd Khafidz, S. (2022). Manhaj Hadis Imam al-Syafi'i dalam Konteks Istintbat Hukum. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1), 173–217. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/22>
- Moohamad, K., & Syafie, A. (2018). Keberkesanan dalam Penyampaian Khutbah Jumaat dengan Penghayatan Bahasa Melayu, Satu Kajian di Wilayah Yala. *AL-HIKMAH*, 7(14), 101–111. <http://www.e-majallah.ftu.ac.th/index.php/alhikmah/article/view/207>
- Muhammad Hafiy, A., Rashid, & Mumtazah, N. (2021). Pengamalan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial Di Universiti Selangor. *International Conference And Muktamar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)* (pp. 144-152). Pahang: KUIPSAS
- Munirah, Z., Syaimak, I., Farah Hamizah, S., Nazrudin, H., Mohd Zainodin, M., & Kamarulzaman, S. (2020). Teks Khutbah Jumaat Negeri Johor 2017-2018: Analisis Tajuk Dan Status Hadith. *Jurnal 'Ulwan*, 5(1), 169–189. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/741>
- Norulhuda, B., & Mariam, A. M. (2017). Peranan Solat dalam Membangunkan Penghayatan Hidup Beragama Satu Tinjauan. *Seminar Antara Universiti Pengajian Lepasan Ijazah* (pp. 1–12). Brunei: UNISSA
- Nurul Izzaty Nor, J., Nuraisyah Syakirin, S., & Kamarul Azmi, J. (2019). Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam. *Seminar Sains Teknologi Dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (pp. 157–176). Johor: UTM
- Al-Qazwini, Abu Abdullah Muhamad bin Yazid bin Majah. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Rohaily, A. H. (2012). *Teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI): kajian tentang metode dan cabaran penyediaannya*. University of Malaya.
- Saifulah, S., Abdul Manan, Y., Husni, A., Hamid, M. I., & Quratuljannati Adnin, M. R. (2017). Terjemahan Hadis dalam Khutbah Jumaat Terbitan JAIS: Kajian Konsistensi Metode Terjemahan. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)* (pp. 741–755). Bandar Baru Bangi: KUIS
- Siti, M., & Farah Darwisyah, A. Z. (2019). Kesan Hadis Maudhu' Dalam Amalan Umat Islam. *Perada*, 2(1), 25–33. <https://doi.org/10.35961/perada.v2i1.27>
- Siti Norlina, M., Ahmad Kilani, M., Zulkifli, H., & Siti Aisyah, A. R. (2004). Budaya

THE 8<sup>th</sup> INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

- Penyayang dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori dan Praktis. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)* (pp. 1–17). Kedah:UUM Sri Maryati, B., Tajudin, N., & Abdul, K. (2022). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak dalam Al-Qur'an dan Relevansinya dalam Kehidupan Sehari-hari (Studi Analisis Kisah Qorun QS Al-Qashash Ayat 76-82). *FONDATIA*, 6(3), 540–562. <https://doi.org/10.36088/fondatia.v6i3.2023>
- Suhaimi, A. H., Mohd Azam, Y., & Ahmad Faqih, I. (2019). Kesan Pelaksanaan Solat Terhadap Akhlak Mukallaf Menurut Al-Quran Dan Al-Hadith. *Jurnal 'Ulwan*, 4(1), 100–115. <http://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/496>
- Suriati, Burhanuddin, & Makmur Jaya, N. (2019). Da'wah in Form of Ukhwah Islamiyah. *Proceedings of the 1st Borobudur International Symposium on Humanities, Economics and Social Sciences (BIS-HESS 2019)* (pp. 941–946). Indonesia: UNIMMA
- Susiba. (2019). Pendidikan Akidah Bagi Anak Usia Dini. *POTENSIAS: Jurnal Kependidikan Islam*, 4(2), 155–168. <https://doi.org/10.24014/potensia.v4i2.5871>
- Al-Tabrani, Abu Qasim Sulaiman bin Ahmad. (1995). *Al-Mu'jam al-Awsat*. Qaherah: Dar Al-Haramain.
- Usman, A. H., & Wazir, R. (2018). The Fabricated Hadith : Islamic Ethics And Guidelines Of Hadith Dispersion In Social Media. *TOJDAC, September*, 804–808.
- Ulama-ulama Terkemuka. (2009). *At-Tafsīr Al-Muyassar*. (n.p)